

12/08/2000

Andaian tidak ramai kawan mungkin ada kebenaran

Hishamuddin Aun

ALMARHUM Tunku Abdul Rahman Putra pernah berkata: "Menteri Besar Selangor ini orang ketiga yang menjadi fokus negara selepas Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri." Berdasarkan hujah itu, kepentingan dan tumpuan terhadap jawatan berkenaan terjawab dengan sendirinya. Meskipun belum ada di kalangan bekas Menteri Besar Selangor yang kemudian menjadi Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri, keistimewaannya seakan-akan diterima ramai tanpa banyak kesangsian dan pertikaian. Dalam pada itu, kedudukan berkenaan harus menuntut 'harga' tersendiri.

"Kerusi MB Selangor memang kerusi yang berpuaka," kata Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Morib, Datuk Abdul Samad Maharuddin, tidak lama selepas sidang akhbar Datuk Abu Hassan Omar bagi mengumumkan sebab-sebab beliau meletakkan jawatan berkenaan di Shah Alam, kelmarin. Sebagai seorang yang sudah berkhidmat dengan enam Menteri Besar Selangor, Samad yang bergelumang dengan politik Selangor selama lebih 30 tahun mungkin paling layak menghakimi keadaan itu. Hakikat bahawa Datuk Harun Idris dan Tan Sri Muhammad Muhd Taib turut mengambil jalan keluar yang sama sebelumnya, sekadar menguatkan hujah itu.

Namun, pada ketika Abu Hassan bukan lagi bergelar Menteri Besar di samping akan turut melepaskan jawatan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor, pelbagai persoalan di sebalik keputusannya itu, masih rancak dibualkan. Pelbagai teori ditonjolkan mengikut kepentingan pihak-pihak yang berhujah - daripada konspirasi 'musuh dalam selimut', ikhtiar tangan-tangan tersembunyi hinggalah kepada campur tangan pihak istana - jawapannya sama ada akan terlerai sedikit demi sedikit atau pun akan sendirinya lenyap ditelan waktu. Melainkan sebab-sebab kesihatan, beban kerja yang bertambah berat serta keperluan untuk meluangkan lebih banyak masa kepada keluarga, Abu Hassan sendiri nampaknya lebih rela membiarkan punca-punca lain menjadi teka-teki.

Dalam pada itu, jawapannya mungkin sudah ada dalam bentuk rentetan peristiwa sejak pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) kawasan Permatang pada Mei 1997 lagi bagi melayakkan Abu Hassan menjadi anggota DUN Selangor dan seterusnya menjadi Menteri Besar selepas mengosongkan kerusi Ahli Parlimen Kuala Selangor yang didudukinya selama lima penggal sejak 1978. Ketika itulah, surat layang mengenai dakwaan hubungan sulit dengan adik iparnya mula tersebar. Abu Hassan memenangi pilihan raya kecil itu dengan mengalahkan calon Pas, Maskawi Mardzuki, dengan majoriti 7,780 undi.

Upacara mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar pada 6 Jun 1997 sekadar memberi kelegaan sementara apabila isu demi isu melingkarinya. Pengubahsuaian kediaman rasmi Menteri Besar di Bukit Megawati, Shah Alam yang menelan belanja RM5 juta ketika kegawatan ekonomi serta penginapan beliau sekeluarga dan pemandu di hotel dengan bil berjumlah lebih RM77,000 yang menimbulkan pertikaian, memberikan permulaan 'panas' buat Abu Hassan sehingga sebak ketika menjelaskan keadaan pada sidang Dewan Undangan Negeri selepas itu.

Kontroversi penangkapan tiga gadis Melayu yang menyertai satu pertandingan ratu cantik, penamatan khidmat Datuk Ishak Baharom selaku Mufti Selangor, krisis bekalan air yang melanda negeri berkenaan sesudah itu serta penangkapan 53 pelanggan Islam oleh Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) di sebuah restoran di Damansara awal bulan lalu yang kemudian ditakrifkan sebagai kekhilafan dalam mentafsir undang-undang, semuanya

terpikul di bahu Abu Hassan sambil musuh-musuh politiknya mengeksploitasi keributan yang berlaku semahu-mahunya, kononnya sebagai mendedahkan kelemahan kerajaan negeri di bawah kepemimpinannya.

Kemuncaknya menyusul menjelang Perhimpunan Agung Umno, Mei lalu yang menyaksikan Abu Hassan bertanding jawatan Naib Presiden tetapi tewas. Surat layang diedarkan dengan meluas mengenai dakwaan hubungan sulit beliau dengan adik iparnya hingga melahirkan seorang anak lelaki yang kini berusia 11 tahun. Meskipun Abu Hassan sendiri berkali-kali menafikannya, musuh politiknya terus mencanangkan perkara yang sama, termasuk menerusi Internet. Dakwaan yang sama dimuatkan di muka depan akhbar harian di Surabaya, Jawa Pos, 7 Julai lalu yang turut dipaparkan di laman Internetnya. Meskipun laporan itu turut memuatkan penafian keras oleh Abu Hassan, ramai yang terdorong untuk mempercayai dakwaan berkenaan semata-mata kerana ia tersiar dalam sebuah akhbar asing.

Di antara isu-isu berkenaan sekalipun, Abu Hassan dikhabarkan tidak pernah dibiarkan dalam keadaan aman. Dakwaan bahawa beliau 'mencantas' penyokong kuat Muhammad sejak mula, menjadi buah mulut di pejabat-pejabat kerajaan, gedung perniagaan dan kedai kopi. Kalaupun ada, orang-orang Abu Hassan sendiri mempertahankan bahawa senarainya amat ringkas sambil menjadikan senarai calon Umno pada pilihan raya umum 1999 sebagai bukti bahawa bos mereka banyak mengamalkan sikap tolak-ansur.

Malah, kata mereka, Abu Hassan bukan jenis yang mendendami sesiapa sebagaimana yang digambarkan dan digembar-gemburkan. Tidak cukup dengan itu, Abu Hassan dikatakan kerap pula dibebani dengan pelbagai tuntutan, baik dari dalam kelompok Umno Selangor sendiri mahupun dari luar. Ini termasuk permohonan atau desakan mendapatkan tanah ratusan hektar daripada pihak amat berpengaruh. Apabila permintaan berkenaan tidak dipenuhi, maka senarai musuhnya bertambah panjang dari sehari ke sehari.

Malah, ada pihak tertentu yang dikatakan membuat ramalan sejurus selepas Perhimpunan Agung Umno, Mei lalu, bahawa Abu Hassan akan mengosongkan pejabatnya di Tingkat 20, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah sebelum berlangsung sambutan Hari Kebangsaan di Shah Alam, 31 Ogos ini. Satu pihak yang lain pula dikatakan membuat hitungan hari sejak pilihan raya umum November lalu untuk beliau meletakkan jawatan selepas tiga, enam atau sembilan bulan. Pengunduran Abu Hassan kelmarin - selepas tiga tahun dua bulan memimpin Kerajaan Selangor, sembilan bulan selepas pilihan raya umum dan 20 hari sebelum Hari Kebangsaan Ke-43 - mungkin secara kebetulan tetapi usaha terancang musuh-musuh politiknya ke arah itu, tidak juga dapat dinafikan.

Inilah juga yang meyakinkan Abu Hassan bahawa dakwaan, gangguan dan tekanan ke atas beliau akan berlarutan. Dengan bukti-bukti - surat nikah mualaf, Abu Hassan Tan Abdullah dan adik ipar Abu Hassan, dokumen pengesahan Abu Hassan Tan memeluk Islam serta surat beranak pasangan berkenaan semuanya ditunjukkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada pertemuan di Putrajaya, Rabu lalu - serta kesanggupan pasangan itu untuk tampil menafikan dakwaan sekalipun, akan ada pihak yang mempertikaikannya dan terus mengedarkan surat layang. Malah, Abu Hassan dikatakan memberitahu beberapa rakan rapat bahawa akan ada pelbagai dakwaan lain ditimbulkan selepas ini sekiranya dakwaan skandal seksnya dapat dibuktikan sebagai tidak benar.

Faktor yang membuat Abu Hassan merumuskan demikian ialah rasa kecewanya terhadap mereka yang dianggapnya 'menikam dari belakang', termasuk melonjak-lonjakkan dirinya agar bertanding jawatan Naib Presiden Umno dengan menerbitkan gambaran akan menang tetapi kesudahannya mereka sendiri memberikan undi kepada calon lain.

Didasarkan kepada itu, Abu Hassan mungkin tidak silap dalam mengandaikan bahawa beliau tidak mempunyai ramai kawan dan ini akan terus

menyukarkannya untuk menangkis pelbagai dakwaan yang dilemparkan terhadapnya, apatah lagi untuk memimpin kerajaan negeri. "Usah lawan (mereka)... kita mana ada kekuatan nak lawan," demikianlah yang kerap dikatakan oleh Abu Hassan kepada penasihat-penasihatnya setiap kali mereka mendesak agar beliau mengambil sesuatu bentuk tindakan.

Desakan keluarga sekadar mempercepatkan keputusan Abu Hassan untuk meletakkan jawatan. Tangisan kedua-dua anaknya di hadapan Perdana Menteri, Rabu lalu, agar bapa mereka direlakan berundur, menemukan noktah yang dicari-cari.

Tiada rasa berbelah-bahagi di pihak Abu Hassan walaupun Dr Mahathir sendiri menyarankan agar beliau (Abu Hassan) menampilkan adik ipar dan birasnya bagi menidakkan dakwaan skandal seks yang ditimbulkan. Harus tiada juga kekesalan di sebalik perpindahannya selepas lebih 18 tahun berkhidmat dengan Kerajaan Pusat, dari peringkat Setiausaha Parlimen hingga Menteri, yang tentunya lebih aman.

(END)